

BULETIN

# INTEGRITI



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Edisi Kedua 2019

ISSN: 0128-2727



## *Bicara Governans,* **INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (BIGIAR)** SIRI 2 TAHUN 2019



# KANDUNGAN

## Buletin Integriti



-  **Tinta Ketua Editor** 3
-  **Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)** 6
-  **Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)** 8
-  **Bengkel Urusetia Lembaga Tatatertib** 11
-  **Naziran Pematuhan Integriti** 14
-  **Lawatan dan Naziran Mengejut Balai** 17
-  **Perasmian Penutupan Bicara Governans, Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 2/2019 Zon Borneo** 4
-  **Taklimat Pelaksanaan Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)** 7
-  **Mesyuarat dan Bengkel Kor Siasatan Integriti** 9
-  **Lawatan Ke Ibu Pejabat SPRM** 12
-  **Analisa Tatatertib/ Surcaj** 16
-  **Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan** 18
-  **Sistem Pengurusan Audit Nilai SPAN 2018** 19

*Jangan sekali-kali kita meremehkan sesuatu perbuatan baik walaupun hanya sekadar senyuman.*

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

## Sidang Editorial

### Penaung

YAS Dato' Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### Penasihat

YAS Dato' Hj. Amer Bin Hj. Yusof  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Soiman Bin Jahid  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### Ketua Editor

PPJB Abu Obaidat bin Hj Mohamad  
Ketua Unit Integriti

### Editor

PgKB I Aswadi Bin Hj. Ismail  
Encik Mohd Faruqi Bin Badron

### Penulis

PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin  
PgKB II Ahmadi bin Muhamad Hassan  
PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan  
Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutalib  
Puan Nor Hasmardiana Binti Kamarudin  
Cik Syafiqah Khuzaimah binti Mohamad Shazali


### Jurugambar

Encik Patrick Jelai Jali

### Penerbit

Unit Integriti  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**“Integriti  
bermula dari kita  
sendiri”**



*Tinta*  
**KETUA editor**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi Cepat Dan Mesra, dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya bersama dalam Buletin edisi 2/2019 ini buat kali kedua selama hampir setahun saya menerajui Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dengan rendah hati saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pegawai di Unit Integriti kerana telah memberikan kerjasama yang begitu padu kepada saya bagi menjalankan urus tadbir di Unit Integriti JBPM. Jutaan terima kasih tak terhingga juga di ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menyediakan buletin pada edisi kali ini. Saya pasti tentu ada kelainan dalam edisi kali ini. Adalah diharapkan sidang pembaca di luar sana akan mendapat sedikit sebanyak ilmu pengetahuan hasil perkongsian melalui buletin ini.

Sebagai seorang penjawat awam atau pegawai bomba kita perlu mengekalkan semangat dan keazaman kita dalam memastikan pembudayaan integriti sentiasa dihayati. Unit integriti diwujudkan bukan berfungsi untuk mencari kesalahan pegawai atau sebagai 'fear factor' tetapi berperanan sebagai unit yang menambah baik perkhidmatan awam amnya dan perkhidmatan kebombaannya. Ianya bukan langkah akhir 'last option' tetapi langkah awal 'first step' kepada penambahbaikan dan peningkatan integriti serta pemangkin kepada ruang keadilan untuk diangkat. Ini adalah 'mind set' yang tidak jelas kepada pemahaman sebenar penubuhan Unit Integriti.

Akhir kata, Unit Integriti akan sentiasa memberi penekanan kepada penghayatan integriti. Untuk itu marilah kita semua sebagai warga jabatan bersama-sama dalam mengamalkan budaya kerja yang berteraskan integriti dalam menjamin dan memastikan jabatan ini terus kekal dan relevan di mata masyarakat dan kerajaan.

Sekian terima kasih.

PPJB Abu Obaidat bin Hj Mohamad  
Ketua Unit Integriti, JBPM

# Bicara Governans, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (BiGIAR) SIRI 2 TAHUN 2019

**5 November 2019** – Jabatan meneruskan lagi agenda pembudayaan Integriti dengan menganjurkan Program Bicara Governans, Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) siri 2 Tahun 2019 peringkat Zon Borneo bertempat di Hotel Ming Garden, Kota Kinabalu Sabah. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Program tersebut menampilkan ahli panel yang terdiri daripada Sahibus Samahah Datuk Hj. Bungsu @ Aziz B. Hj. Jaafar Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Profesor Madya Dr. Asmiaty Binti Amat, Pengarah, Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan KPKPj Karunanithy A/L Y. Subbiah (PMC, PPC), Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah. Program bicara ini dimoderatorkan oleh Tn Hj Hamilye Sham Bin Harun Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).



Seramai 350 orang telah hadir ke forum ini yang terdiri daripada 42 agensi penguatkuasaan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Panel pertama iaitu Profesor Madya Dr. Asmiaty Binti Amat telah mengupas mengenai Peranan Penjawat Awam Dalam Memperkasakan Governans, Integriti dan Anti Rasuah. Panel ke dua Sahibus Samahah Datuk Hj. Bungsu @ Aziz B. Hj. Jaafar pula telah menyampaikan ilmu bertajuk Peghayatan Integriti dan Governans : Satu Perspektif Islam. Manakala panel ke tiga KPKPj Karunanithy A/L Y. Subbiah pula menyampaikan perkongsian bertajuk Penguatkuasaan & Pencegahan Rasuah Di Malaysia, Isu : Cabaran & Halangan.

Panel-Panel berkongsi ilmu dengan tajuk yang diberikan



Majlis Perasmian Penutupan BiGIAR siri 2/2019



Majlis Penyampaian Sijil kepada Wakil Peserta BiGIAR

Majlis Perasmian Penutupan Forum Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) siri 2 Tahun 2019 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah JBPM. Turut diadakan adalah Majlis Menandatangani Tinta Integriti. Hadir sama dalam majlis tersebut adalah YS PKPjB Kamaruzzaman Malik Abdullah, Pengarah JBPM Negeri Sabah, PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad Ketua Unit Integriti JBPM, serta Ketua-Ketua Jabatan dari pelbagai agensi.



Majlis Menandatangani Tinta Integriti sempena BiGIAR



Sesi Bergambar bersama penerima sijil dan semua peserta BiGIAR



## Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, peranan dan fungsi Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah ditukar ganti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) ke arah membentuk sistem pentadbiran yang lebih bersih, telus, efektif dan terbuka melalui tindakan mencegah penyelewengan dan ketirisan dana kerajaan demi kebajikan rakyat dan kepentingan negara.



YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah

Justeru itu, pada 23-7-2019/Selasa jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu pejabat JBPM Putrajaya, Mesyuarat Jawatankuasa AntiRasuah bilangan 2/2019 telah diadakan yang dipengerusikan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid, Ketua Pengarah, JBPM. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah YAS Dato' Hj Soiman bin Hj. Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Pengarah-Pengarah Bahagian dan wakil wakil Bahagian.



Antara Pengarah-Pengarah Bahagian yang hadir pada mesyuarat JAR

Mesyuarat ini dijadikan medium dalam membincangkan hal-hal berkaitan dengan isu-isu, masalah serta langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang diperkenalkan iaitu:

1. Dasar, Perundangan dan Peraturan
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Pengukuhan Governans dan Integriti
4. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

# Taklimat Pelaksanaan Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)

23-7-2019/Selasa jam 2.30 petang satu Taklimat Pelaksanaan Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) telah disampaikan oleh Tn Hj Hamilye Sham bin Harun, Pengarah & Perunding Utama (OACP) Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Pembangunan dan penggubalan OACP adalah diwajibkan di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP), terutamanya dalam "Memperkasakan Keberkesanan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Awam" iaitu:

1. OACP diformulakan bertujuan membantu Organisasi Korporat Membangunkan Pelan Strategi AntiRasuah;
2. OACP menggariskan Penyataan Masalah, Mekanisme Pendekatan & Program yang Relevan dalam usaha "Memperkukuhkan Pelan Pelaksanaan & Penyampaian Perkhidmatan"; dan
3. OACP memperuntukkan keperluan sumber dalam memenuhi Polisi sediaada dan tempoh pelaksanaan bagi merealisasikan pencapaian Objektif Strategik.
4. OACP hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan hingga 1 tahun selepas arahan YAB PM Bilangan 1 Tahun 2019 yang ditandatangani pada 29 Mac 2019 oleh Perdana Menteri.;

Taklimat tersebut diadakan sempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Bilangan 2/2019 yang dipengerusikan oleh YAS Ketua Pengarah dan dihadiri oleh semua Pengarah-Pengarah Bahagian. Tempoh pelaksanaan OACP ini adalah selama 5 tahun iaitu 2019-2023.



Tn Hj Hamilye Sham bin Harun menyampaikan taklimat OACP



Pengarah-Pengarah Bahagian yang hadir mendengar taklimat OACP

## Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)

Pelan Anti Rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) 2019-2023 adalah susulan pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 berkaitan Pementapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional. Justeru OACP sebagai dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah telah dihasilkan.



Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan satu Bengkel pembangunan OACP pada 10-12 September 2019 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh YAS Dato' Hj Soiman bin Hj. Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan melibatkan semua YS Pengarah Bahagian, YS Pengarah JBPM Negeri dan Komandan Akademi serta pegawai kanan Jabatan seramai 60 orang.

Bengkel ini dikendalikan oleh Tn Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Hasil berbengkel selama 3 hari ini, sebanyak empat strategi yang telah digariskan dalam OACP JBPM iaitu:

1. Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam,
2. Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam,
3. Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan
4. Memupuk Tadbir Urus yang Baik



# MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI BILANGAN 2 TAHUN 2019 DAN BENGKEL KOR SIASATAN INTEGRITI

Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bil. 2 Tahun 2019 telah diadakan pada 2 Oktober 2019 di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mesyuarat telah dihadiri seramai 34 orang ahli Kor Siasatan Integriti dan dipengerusikan oleh PPjB Abu Obaidat bin Hj. Mohamad, Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad mempengerusikan Mesyuarat KSI Bil. 2/2019

Mesyuarat telah membentangkan laporan dan statistik tatatertib di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tahun 2019 iaitu daripada Januari sehingga September 2019 yang mana telah menunjukkan 30 kes tatatertib telah diambil tindakan. Daripada jumlah tersebut 6 kes telah dikenakan hukuman buang kerja.

Selesai mesyuarat, para peserta meneruskan program ke Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya bagi menjayakan Bengkel Kor Siasatan Integriti sehingga 3 Oktober 2019. Bengkel selama dua (2) hari ini telah menjemput penceramah-penceramah yang berpengalaman dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pengalaman dan menyampaikan ilmu kepada para peserta.



Seiring dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018, Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja, sesi bengkel dimulakan dengan ceramah daripada Dr. Azura binti Hamdan, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tajuk Gangguan Seksual.

Bengkel diteruskan dengan tajuk Khalwat dan Nikah di Luar Negara yang disampaikan oleh YBrs. Hj. Muhamad Safwan bin Saidin, Ketua Unit Integriti, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penceramah telah berkongsi pengalaman dalam mengendalikan kes-kes khalwat dan pernikahan di luar negara serta implikasinya terhadap pegawai, keluarga, jabatan dan komuniti.



YBrs. Hj Muhamad Safwan bin Saidin, Ketua Unit Integriti MAIWP menyampaikan ceramah



Antara Penceramah yang dijemput menyampaikan ceramah kepada peserta bengkel



Puan Effa Nurzainani binti Jaffar, dari Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia menerima cenderamata dari Tuan Hj. Mohd Faruqi bin Badron

Hari kedua bengkel dimulakan dengan penceramah daripada Jabatan Imigresen Malaysia berkenaan tajuk Keluar Negara : Urusan Rasmi dan Persendirian. Penceramah menerangkan berkenaan prosedur yang perlu dipatuhi untuk keluar negara oleh penjawat awam selain kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh penjawat awam bagi urusan keluar negara.

Majlis penutup diserikan dengan penyampaian Watikah Perlantikan kepada pegawai-pegawai Kor Siasatan Integriti bagi tempoh 2019 sehingga 2021



## Bengkel Urusetia Lembaga Tatatertib

Pada 29 hingga 30 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya telah diadakan Bengkel Urusetia Lembaga Tatatertib, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada semua Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri. Bengkel selama dua (2) hari ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta memantapkan pemahaman peserta mengenai prosedur tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 disamping sebagai platform perkongsian dalam meningkatkan profesionalisme peserta dalam mengendalikan urusan tatatertib.



Puan Aimie Yusreena binti Yunus

Para penceramah yang berkecualan dalam bidang masing-masing telah dijemput untuk menyampaikan ceramah selain berkongsi pengalaman bersama peserta bengkel. Bengkel hari pertama dimulakan dengan ceramah bertajuk Penubuhan Lembaga Tatatertib daripada Puan Aimie Yusreena binti Yunus, Penolong Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam. Peserta diterangkan mengenai Lembaga Tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Seterusnya, Puan Suriati binti Samsudin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil sesi seterusnya dengan tajuk Pengurusan Tatatertib. Bersesuaian dengan tajuk, penceramah telah menerangkan berkenaan prosedur pengurusan tatatertib selain berkongsi pengalaman dalam mengendalikan kes tatatertib.



Puan Suriati binti Samsudin

Puan Norazian binti Kamaruddin, Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meneruskan sesi berikutnya dengan tajuk Lembaga Rayuan Perkhidmatan Awam. Peserta mengambil peluang pada sesi ini untuk bertanya dengan lebih dekat kepada penceramah bukan sahaja berkenaan urusan Lembaga Rayuan Perkhidmatan Awam, tetapi berkenaan pengurusan tatatertib.



Puan Norazian binti Kamaruddin

Hari kedua bengkel dimulakan dengan menjemput penceramah daripada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri untuk berkongsi maklumat dan peraturan yang berkuatkuasa. Dengan tajuk Isu-Isu Tatatertib (Pecah Kecil Perolehan), Sr. Rodziah binti Ismail telah menerangkan berkenaan pecah kecil perolehan yang merupakan antara penemuan yang sering ditemui oleh pihak audit.



Sr. Radziah binti Ismail



Tn. Hj. Muhamad Safwan bin Saidin

Berikutnya, Y.Brs. Tn. Hj. Muhamad Safwan bin Saidin, Ketua Unit Integriti, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan meneruskan sesi. Dengan tajuk Khalwat dan Nikah Di Luar Negara, sesi menjadi lebih menarik dengan cara penyampaian penceramah dan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh peserta.

## Lawatan Ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Bagi memberi kelainan terhadap bengkel yang dijalankan, lawatan ke Ibu Pejabat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dianjurkan pada sesi terakhir bersempena dengan bengkel ini. Lawatan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan baik bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia memandangkan Urusetia Lembaga Tatatertib terlibat dalam mengendalikan urusan tatatertib yang melibatkan laporan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.





Para peserta diberikan taklimat oleh Pegawai SPRM



Peserta berpeluang melawat konti MACC fm.



Kawasan lapang di Aras 7, Ibu Pejabat SPRM



## NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bil. 2, 3 dan 4 Tahun 2019 diteruskan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak, Pahang dan Kelantan pada 27 hingga 29 Mei 2019, 23 hingga 24 September 2019, pada 15 hingga 17 Oktober 2019 dan pada 18-20 November 2019. Naziran diketuai oleh Ketua Seksyen Pengesanan, Pengesanan dan Tatatertib, Unit Integriti, Encik Mohd Faruqi bin Badron, dibantu oleh PgKB II Ahmadi bin Muhamad Hasan, Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutalib dan Encik Patrick Jelai Jali, serta Cik Shafiqah Khuzaimah binti Mohamad Shazali. Naziran turut dihadiri wakil daripada Bahagian Pengurusan JBPM negeri berkaitan. Berikut merupakan beberapa buah balai telah dipilih untuk dilaksanakan naziran iaitu:

1. Balai Bomba dan Penyelamat Sibu, Sarawak;
2. Balai Bomba dan Penyelamat Petra Jaya, Sarawak;
3. Balai Bomba dan Penyelamat Bau, Sarawak;
4. Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, Kelantan;
5. Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa, Kelantan;
6. Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor, Kelantan;
7. Balai Bomba dan Penyelamat Peramu, Pahang;
8. Balai Bomba dan Penyelamat Pekan, Pahang; dan
9. Balai Bomba dan Penyelamat Taman Tas, Pahang.
10. Balai Bomba dan Penyelamat Jitra, Kedah
11. Balai Bomba dan Penyelamat Langkawi, Kedah, dan
12. Balai Bomba dan Penyelamat Persiaran Putra, Kedah.



Naziran di JBPM Sarawak

Pasukan naziran telah menjalankan pemeriksaan terhadap pelaksanaan kad perakam waktu berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 11 Tahun 1981 dan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016.

Selain itu, semua balai yang dilawati telah diterangkan mengenai tatakelakuan dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003.



Naziran di JBPM Pahang

Penemuan naziran mendapati kesalahan tidak mengetik kad perakam waktu tanpa apa-apa catatan dan pengesahan penyelia merupakan kesalahan yang kerap berlaku di balai-balai yang dilaksanakan naziran. Hasil penemuan naziran telah dimaklumkan kepada semua Ketua Balai yang terlibat dan diambil maklum oleh wakil Bahagian Pengurusan, JBPM Negeri berkaitan.



Naziran di JBPM Kelantan



Naziran di JBPM Kedah

***Berperilaku jujur memang sulit.  
Namun, bukan berarti tidak mungkin  
dilakukan.***

## Analisa Tatatertib/Surcaj

Sepanjang tahun 2019, Lembaga-Lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat Ibu pejabat dan Negeri telah bersidang sebanyak 48 kali, menyelesaikan sebanyak 41 kes melibatkan pelbagai kesalahan dan pelanggaran tatatertib. Sebanyak 15 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibu pejabat JBPM dimana 7 pegawai telah dibuang kerja manakala 26 kes lagi telah dikendalikan oleh Lembaga Tatatertib JBPM Negeri seperti jadual berikut:

BIL	PERINGKAT	TAHUN					
		2014	2015	2016	2017	2018	2019
1	IBU PEJABAT JBPM	70	70	58	43	32	15
2	JBPM NEGERI	67	45	50	67	29	26
<b>JUMLAH</b>		<b>137</b>	<b>115</b>	<b>108</b>	<b>110</b>	<b>61</b>	<b>41</b>

DATA JUMLAH HUKUMAN YANG DIKENAKAN							
BIL	KATEGORI	TAHUN					
		2014	2015	2016	2017	2018	2019
1	AMARAN	66	44	39	39	15	17
2	DENDA	1	0	0	2	4	2
3	LUCUT HAK EMOLUMEN	3	4	1	6	4	2
4	TANGGUH PERGERAKAN GAJI	33	24	13	21	10	8
5	TURUN GAJI	17	5	1	2	2	7
6	TURUN PANGKAT	0	0	0	0	0	0
7	BUANG KERJA	33	32	44	21	14	7
8	DILEPASKAN	9	14	9	7	12	7
9	SURCAJ	3	5	7	23	9	0
<b>JUMLAH</b>		<b>165</b>	<b>128</b>	<b>114</b>	<b>121</b>	<b>70</b>	<b>50</b>

STATISTIK TATATERTIB MENGIKUT JENIS KESALAHAN							
BIL	KATEGORI	TAHUN					
		2014	2015	2016	2017	2018	2019
1	Tidak Hadir Bertugas Dan Dapat Dikesan	67	52	56	23	12	21
2	Tidak Hadir Bertugas Dan Tidak Dapat Dikesan	3	4	10	7	4	0
3	Dadah (Perakuan Pegawai Perubatan)	2	1	6	3	5	1
4	Hadiah Keraian	0	0	0	0	0	0
5	Keluar Negara	0	0	0	3	2	1
6	Menyelenggara Taraf Hidup Melebihi Emolumen	0	0	0	0	0	0
7	Keterhutangan Kewangan Yang Serious	2	2	0	0	0	2
8	Pekerjaan Luar	0	1	0	1	0	1
9	Rasuah	0	0	0	0	3	2
10	Kenyataan Awam	0	2	1	0	0	0
11	Aktif Dalam Politik Tanpa Kebenaran	0	0	0	0	0	0
12	Gangguan Seksual	2	0	0	1	0	0
13	Kes-Kes Mahkamah	14	26	12	9	4	5
14	Tatakelakuan/Kehilangan Aset Alih/Kemalangan/Kad Inden Minyak	47	27	23	59	31	13
<b>JUMLAH</b>		<b>137</b>	<b>115</b>	<b>108</b>	<b>110</b>	<b>61</b>	<b>46</b>

## Lawatan dan Naziran Mengejut Balai

Unit Integriti JBPM mengambil inisiatif dengan melaksanakan pemeriksaan mengejut/berkala ke balai-balai JBPM yang juga merupakan salah satu daripada aktiviti utama Unit Integriti. Satu pasukan dibentuk untuk melaksanakan pemeriksaan mengejut setelah mengenalpasti balai-balai yang akan dilawati.

Antara tujuan utama pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membuat pemantauan pematuhan disiplin dan tatasusila pegawai bomba serta membuat cadangan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan kepada masyarakat atau pelanggan.

Semasa melaksanakan pemeriksaan mengejut di balai-balai, antara elemen-elemen yang dilaksanakan adalah membuat ujian panggilan kecemasan supaya mematuhi MS ISO 9001 : 2008 Perkara 4.27 – Pengukuran 60 saat adalah dikira daripada terima panggilan hingga jentera keluar dari Bay Jentera. Manakala perkara-perkara yang terkandung dalam semakan semasa pemeriksaan meliputi panggilan baris, personaliti pegawai, keadaan jentera dan kenderaan utiliti, keadaan balai dan kuarters, kawasan balai, bilik bersedia anggota, bilik makan, bilik rehat, bilik sembahyang / surau, bilik kawalan / awasan serta bay jentera.



Taklimat integriti akan disampaikan pada akhir sesi pemeriksaan mengejut yang disampaikan oleh Ketua Unit Integriti/Ketua Pasukan. Antara perkara yang disentuh adalah kesalahan lazim yang sentiasa dilakukan oleh pegawai sehingga dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kesalahan kesalahan utama yang sering dilakukan termasuklah ketidakhadiran bertugas, sijil sakit palsu, gangguan seksual, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan lain-lain kesalahan.



# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2019 PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN

**BERKUAT KUASA**

**OGOS**

**1** Tahun 2019

Terpakai kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sebelum ini mengguna pakai **WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)**



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## PELAKSANAAN WBF

WAKTU BEKERJA FLEKSI  
DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pegawai **BOLEH** memulakan tugas pada bila-bila masa antara

**7.30** pagi  
**HINGGA**  
**9.00** pagi

**LEBIH** **dikira LEWAT**

**Pelaksanaan** kebenaran pulung awal sejam kepada wanita mengandung dan suami (PP11/2017) adalah terpakai



Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan kaunter tidak terjejas dengan pelaksanaan WBF





ISNIN hingga JUMAAT

MASUK	7.30 am	KELUAR	4.30 pm
	hingga 9.00 am		hingga 6.00 pm

9 AM

**WBF BULAN RAMADAN**

- Waktu rehat dikurangkan
- Waktu pulang diawalkan

\*Tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan



Ketua Jabatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa yang dikehendaki dalam tempoh waktu masuk





AHAD hingga RABU

MASUK	7.30 am	KELUAR	4.30 pm
	hingga 9.00 am		hingga 6.00 pm

9 AM

Bayaran Lebih Masa boleh dibayar tertakluk kepada peraturan semasa berkaitan Bayaran Lebih Masa (BLM)



Pelaksanaan pekellling turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing

**Nota:** Sila rujuk kepada pihak pengurusan sumber manusia agensi masing-masing untuk keterangan lanjut.

Sumber: Pekellling Perkhidmatan B.S.5/2019 | Integriti UKK, JPA

Muat turun pekellling dan soalan lazim di <https://bit.ly/2LoZpid> atau scan QR Code



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

YouTube Jabatan Perkhidmatan Awam

f Jabatan Perkhidmatan Awam

t @jpagov

@jpa2day

\*\*Sumber dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

## Sistem Pengurusan Audit Nilai SPAN 2018

Selaras dengan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri Siri 7 No. 1 Tahun 2007, Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dalam pelaksanaan SPAN untuk tahun 2018, terdapat lima (5) instrumen yang digunakan iaitu:

1. Rekod Amalan Nilai (rekod daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi, Seksyen Kewangan dan Akaun dan Bahagian Komunikasi Korporat);
2. Indeks Nilai Ideal;
3. Indeks Nilai Peribadi;
4. Indeks Nilai Organisasi; dan
5. Rekod Maklum Balas Pelanggan (Edaran Borang Maklum Balas Pelanggan)

Kajian *Online* yang dijawab oleh semua Warga Agensi ini melalui Sistem yang dikendalikan oleh pihak JPA pada Disember 2018.

Keputusan Sistem Pengurusan Audit Nilai di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ditunjukkan melalui Rajah berikut:



Rajah menunjukkan Keputusan Sistem Pengurusan Audit Nilai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tahun 2018

Indeks Nilai Keseluruhan (Komposit) ini diperolehi dengan mencampurkan kelima-lima instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa Indeks Nilai Komposit di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berada pada poin 84.34 iaitu pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

Hasil analisis mendapati bahawa Indeks Rekod Amalan Nilai dan Maklum Balas Pelanggan berada pada tahap yang cemerlang dan perlu dikekalkan. Manakala Indeks Nilai Ideal pula berada pada tahap yang boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan. Namun, Indeks Nilai Peribadi dan Nilai Organisasi berada di tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai kesedaran dan penghayatan nilai-nilai murni yang baik namun tahap pengamalan perlu dipertingkatkan ke tahap yang lebih cemerlang. Jabatan ini memerlukan penambahbaikan ke atas program nilai sedia ada dan membentuk program baharu yang bersesuaian untuk mempertingkatkan pengamalan nilai di Agensi.

# Jasamu Dikenang



- \* **Dato' Haji Amer bin Haji Yusof**
- \* Mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (2018-2019)
- \* Berasal dari Kulim, Kedah
- \* Berkelulusan:  
B.A (Antropologi - Sosiologi) - Universiti Kebangsaan Malaysia (1980-1983)  
M.Sc (ERP) - Universiti Putra Malaysia (1998-1999)
- \* Isteri Datin Ika Karyanah binti Ismail
- \* Anak: 1) Mohd. Hanifa bin Amer  
2) Nor Salbiah binti Amer  
3) Umair Wahi bin Amer  
4) Dhia Delisha binti Amer  
5) Aliy Wafiy bin Amer



## SEJARAH PERKHIDMATAN

Tahun	Jawatan	Tempat Bertugas
01.10.83 - 24.07.85	Penolong Pengarah Bahagian Perancangan	Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Bomba
01.09.85 - 31.01.86	Penolong Pengarah Perkhidmatan	Perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
01.02.86 - 30.06.88	Penolong Pengarah Perkhidmatan	Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri Sarawak
01.07.88 - 14.11.89	Pemangku Pengarah	Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri Selangor
01.10.89 - 22.01.96	Pengarah	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah/Perlis
23.01.96 - 31.01.00	Pengarah	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
01.02.01 - 15.10.03	Pengarah	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
16.10.03 - 30.10.07	Pengarah	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
01.11.07 - 14.04.08	Pengarah	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
15.04.08 - 30.10.10	Penolong Ketua Pengarah (Operasi Kebombaan dan Penyelamat)	Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya
01.11.10 - 11.9.2018	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)	Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya
12.9.2018 - 2019	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)	Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

ISSN 0128-2727



9 770128 272009